



**UCAPAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR  
MENTERI PEMBANGUNAN**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS INDUKSI BAGI  
PEGAWAI-PEGAWAI DALAM BAHAGIAN II YANG BARU  
BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN  
JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

**HARI KHAMIS, 22 JULAI 2021M  
BERSAMAAN 12 ZULHIJAH 1442H**

**CESAR GRAND HALL,  
MULIA HOTEL**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين  
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin  
Timbalan Menteri Pembangunan

Yang Mulia Awang Eliazar bin Sabtu  
Ketua Divisyen Pengurusan Sumber Manusia  
Selaku Pengerusi Majlis

Yang Mulia Dayang Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak  
Setiausaha Tetap (Perancangan Guna Tanah dan Alam Sekitar)

Yang Mulia Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar  
Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria  
Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional)

Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Yakub  
Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan)

Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohd Salleh  
Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang)

Yang Mulia Ir. Awang Haji Salleh bin Haji Abd Karim  
Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya

Yang Mulia Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-Ketua Divisyen, Pegawai-Pegawai  
Kanan, Pegawai-Pegawai (Peserta-Peserta) Kursus Induksi serta hadirin  
dan hadirat yang saya hormati sekalian

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

- 1.** Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala diatas limpah kurnia dan izinNya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama meraikan Majlis Penyampaian Sijil Kursus Induksi Kali ke-5 bagi seramai 59 orang pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang baru berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.** Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan semua pegawai-pegawai yang baru berkhidmat dan menjadi warga kerja Kementerian Pembangunan, dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana telah berjaya menamatkan Kursus Induksi yang telah dijalankan selama 7 hari.
- 3.** Saya difahamkan kursus kali ke-5 ini, peserta kursus diberikan penerangan mengenai dengan skop bidang tugas utama Jabatan dan Divisyen dibawah Kementerian Pembangunan termasuk penerangan mengenai dengan visi dan misi serta Pelan Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan. Disamping itu juga peserta berpeluang mendengar taklimat daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan berkepentingan yang banyak menyentuh isu-isu dan hal ehwal pekerjaan yang antara lain mengenai dengan tugas dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan dan kepentingan dan faedah yang diperolehi bagi penjawat Perkhidmatan Awam di negara ini. Peserta kursus juga telah mengikuti aktiviti *teambuilding* selama satu

hari di Batang Duri, Daerah Temburong. Saya percaya semua ini adalah sangat penting dan berfeadah untuk diketahui dan diikuti oleh pegawai-pegawai baru.

- 4.** Sebagai jentera kerja yang baru dalam Perkhidmatan Awam, mengikuti Kursus Induksi sudah setentunya dapat memberikan para peserta maklumat asas dan baru untuk menambah pengetahuan peserta. Selain itu, apa yang penting lagi ialah untuk biskita mempelajari ilmu dan pengalaman dalam pekerjaan daripada mereka yang sudah lama berkhidmat. Mungkin ada diantara biskita dijadikan ketua di bahagian atau unit masing-masing, walaupun biskita memiliki kelulusan ijazah atau sarjana muda, apa yang perlu diingatkan ialah untuk biskita juga perlu bersifat terbuka untuk mendengar pandangan dan buah fikiran daripada ketua, rakan sekerja dan termasuk kakitangan bawahan yang telah lama berkhidmat yang sudah setentunya mempunyai pengalaman yang begitu luas. Belajarlah daripada mereka dan janganlah biskita merasa segan atau malu untuk bertanya atau mendapatkan pandangan mereka.
- 5.** Dikesempatan ini, saya juga ingin menekankan akan kepentingan dan kewajipan bagi pegawai yang baru berkhidmat di kementerian ini untuk setiap masa mentaati dan mematuhi setiap peraturan dan arahan yang telah digarispandukan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sama ada ia berbentuk perintah / peraturan seperti *general orders* dan *financial regulation* ataupun arahan-arahan lain seperti melalui surat-surat keliling atau surat-surat pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

- 6.** Justeru itu, saya ingin menasihatkan kepada setiap penjawat Perkhidmatan Awam di kementerian ini untuk memahami kepentingan dan seterusnya mengamalkan dan membudayakan ciri-ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja dalam perkerjaan seharian, antaranya sentiasa telus, bersifat jujur dan amanah semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab dan menghindari dari melakukan segala bentuk sifat negatif dan dilarang, seperti pecah amanah, berlaku tidak jujur dan tidak amanah, mengamalkan rasuah dan tidak bertanggungjawab dalam pekerjaan dan seumpamanya. Kerana perkara-perkara yang negatif seperti ini, adalah sangat merugikan Kerajaan, organisasi, keluarga dan termasuk diri sendiri.
- 7.** Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab keatas pembangunan fizikal dan penyediaan infrastruktur asas di negara ini, saya menyeru agar semua pegawai dan kakitangan di kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya akan sentiasa mengamalkan kerja berpasukan (teamwork) didalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dan sentiasa berganding bahu dan saling bekerjasama dengan bahagian lain atau jabatan yang lain bagi mencapai visi Kementerian ini iaitu, kehidupan berkualiti, pembangunan berterusan dan negara makmur.
- 8.** Kecemerlangan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada prestasi, kualiti kerja dan produktiviti kerja yang tinggi dan mempunyai nilai-nilai murni serta rukun-rukun akhlak yang patut dimiliki oleh setiap pegawai dan kakitangan didalam organisasi tersebut. Saya percaya mana-mana organisasi yang dianggotai oleh pegawai dan kakitangan yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi, rajin, dan berdedikasi dan dapat berfungsi sebagai satu

pasukan pasti akan dapat melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dengan baik, cepat, cekap dan memenuhi dan mencapai cita rasa, kehendak dan kemahuan pelanggan. Mereka ini adalah merupakan aset yang paling bernilai dan berharga.

- 9.** Dari itu, saya penuh berharap agar semua pegawai dan kakitangan di kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya akan dapat menjadi *role model* pekerja yang berintegriti dan dapat sama-sama merealisasi wawasan, misi dan visi Kementerian ini. Sesuai dengan slogan Kementerian ini iaitu "Bersedia Berkhidmat" dan ditambah dengan semangat yang tinggi dalam satu pasukan disemua peringkat pegawai dan kakitangan dan antara jabatan, saya penuh yakin dan percaya kita akan dapat mewujudkan sebuah Kementerian dan Jabatan yang pemedulian, dinamik dan berwibawa yang dapat memberikan mutu perkhidmatan yang efektif dan berkualiti tinggi, memuaskan dan berkesan serta berupaya memenuhi aspirasi dan jangkaan atau *expectation* pelanggan, masyarakat dan negara.
- 10.** Maka selaku warga kerja Perkhidmatan Awam, saya juga menyeru kepada semua pegawai yang baru berkhidmat agar sentiasa tekun dan komited dengan tugas masing-masing dengan memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi dan sentiasa berusaha dengan gigih dan dinamik bagi membantu kementerian ini atau jabatan-jabatan dibawahnya mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) masing-masing selaras dengan Buku Pelan Perancangan Strategik Kementerian ini dan Wawasan Brunei 2035.
- 11.** Saya juga ingin menasihatkan, selaku pegawai baru supaya akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan skills, kebolehan dan ilmu

pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam jurusan masing-masing, samada bidang teknikal mahupun bidang pengurusan dan pentabiran, ini termasuk sentiasa bersifat inovatif, kreatif dan memiliki daya saing yang sihat. Sebagai jentera Perkhidmatan Awam juga kitani tidak seharusnya mempunyai sikap yang *complacent* atau merasa berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Abiskita semua haruslah berfikiran yang positif dan proaktif disamping bersikap adaptif dan responsif terhadap perubahan termasuk perkembangan dan kemajuan teknologi yang pesat yang dibawa oleh relovusi industri 4.0. Relovusi industri 4.0 ini bukan sahaja sebagai satu cabaran untuk kitani akan tetapi juga peluang untuk kitani terokai dan memanfaatkan sepenuhnya kearah memastikan kemakmuran dan pembangunan negara yang mapan. *"Great things never come from comfort zone"*

- 12.** Kemodernan dan kemajuan yang dicapai oleh manusia melalui infokomunikasi yang canggih sejak beberapa tahun lalu hingga ke hari ini, tidak dapat menafikan tentang kewujudan berbagai cabaran yang mengiringinya. Semakin moden dan maju dunia ini, semakin besar juga cabaran atau *challenges* yang perlu dihadapi dan ditangani. Begitu juga dengan pekerjaan kita seharian.
- 13.** Maklumat dan ilmu yang tersebar dalam dunia tanpa sempadan hari ini membawa bukan sahaja berbagai manfaat kepada kita, khususnya pegawai-pegawai yang baru berkhidmat dan juga kepada generasi muda amnya, tetapi juga berbagai elemen negatif yang jika tidak diberi perhatian, akan menjejaskan cara kita bekerja, pemikiran kita dan juga pembangunan sesebuah organisasi, secara mental, fizikal dan spiritual. Oleh itu, kita perlu berhati-hati dan bijaksana

didalam penggunaan teknologi maklumat dan media sosial masa kini didalam pekerjaan kita agar ianya dapat dimanfaatkan dengan cara yang terbaik.

- 14.** Saya percaya dan penuh yakin bahawa dengan niat yang lurus, serta sikap yang betul (right attitude), disertai dengan usaha yang gigih dan sentiasa berserah dan bertawakal kepada Allah SWT, apa-apa jua halangan yang akan ditempuhi di dalam perkerajaan abiskita semua, bukan saja dapat dihadapi dengan baik malahan pekerjaan yang abiskita lakukan, Insya Allah, akan membawa keberkatan dan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT jua.
  
- 15.** Saya penuh berharap dan berdoa agar pegawai-pegawai baru berkhidmat di kementerian dan Jabatan-Jabatan dibawahnya ini akan dapat menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan semangat yang tinggi dan bertugaslah semata-mata demi Agama, Bangsa dan Negara.
  
- 16.** Akhir Qalam, dalam kesempatan ini, saya tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kepada Divisyen Pengurusan Sumber Manusia kerana telah berjaya mengungkapahkan Kursus Induksi dan Majlis Penyampaian Sijil pada pagi ini. Semoga usaha-usaha yang bermanfaat ini akan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT jua. Amen.

Sekian

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh